

KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

(oleh Ahmad Lutfi)

Daripada percakapan-percakapan yang didapati tidak putus-putusnya dari semasa ke semasa golongan-golongan Islam memandang perbuatan Zaharah binti Nur Muhamad dengan mengadakan suatu perjumpaan pada 18 Oktober yang lalu dengan mengambil suatu keputusan atas nama ramai tetapi menurut kehendak dan rekaannya sendiri bagi menuntut supaya kerajaan jangan mengecualikan orang-orang Islam daripada menghadkan perkahwinan kepada umur 16 tahun dan menuntut supaya John Likok jangan mengecualikan juga tentang memperundang-undangkan itu kepada orang Islam. Daripada percakapan ini nampaknya dengan terang menunjukkan bahawa orang-orang Islam semuanya dikecualikan lingkungan beberapa orang daripada Zaharah binti Nur Muhamad itu membangkang rancangan itu oleh kerana apabila yang demikian itu diperundang-undangkan maka bermaknalah undang-undang Islam yang berasas kepada al-Quran dan al-Hadis itu mansuh. Yang demikian ini tentu tidak sekali-kali akan diredhai oleh tiap-tiap orang Islam dan saya percaya jika yang demikian itu dipaksakan kepada mereka mengikutnya maka tak dapat tiada akan membawa suatu kesan yang akan menerbitkan perasaan perkauman yang hebat di Singapura ini. Sudah tentu yang demikian itu tidak digemari oleh mana-mana pihak pun dan oleh kerana itulah nampaknya, sama ada ditujukan kepada sesuatu muslihat yang disembunyikan, apabila tuan John Likok membawa rang undang-undang itu maka ia menyatakan bahawa yang demikian itu adalah dengan bawaannya sendiri tidak ada kena mengena dengan progresif parti di dalam mana Yang Dipertuanya Tuan Si Si Tan dari semasa ke semasa bersembunyi dan menjauhkan terbitnya perasaan perkauman di Singapura ini.

Di sebalik itu terbit pula suatu keputusan yang tersiar

daripada persatuan Baba-baba Peranakan Singapura yang telah menggambarkan pada permulaannya supaya orang-orang Islam jangan disinggung dan diminta berkerjasama dengan baik di dalam perkara itu tetapi pada akhirnya menerbitkan pula suatu perkara yang lain yang membawa corak atau bayangan Afdi tujuan mereka-mereka kehendaki bagi mengubah ketetapan kahwin itu supaya orang-orang Islam terikat kerananya iaitu menyatakan bahawa adalah menjadi satu kepayahan kepada rang undang-undang itu kelak apabila orang-orang yang bukan Islam yang belum sampai umurnya kepada 16 tahun masuk Islam dan kemudian berkahwin dengan cara Islam sebagaimana yang biasa terjadi.

Dengan bayangan-bayangan ini saya rasa dapatlah saya mengagak bahawa harus inilah dia anasir-anasir yang mendorong Zaharah binti Nur Muhamad itu maju ke tengah bagi dijadikan perkakas oleh mereka itu, sama ada tepat atau tidak, supaya mereka dapat menyampaikan tujuan-tujuan mereka dengan didatangkan konon-kononnya bukan daripada mereka itu tetapi daripada orang-orang Islam sendiri sebab orang yang mengetahui siapa dia Zaharah binti Nur Muhamad serta pertubuhan Kebajikan Kaum Ibu Melayunya yang berpejabat di rumahnya di Deskar Rod itu semenjak daripada berdirinya sudah tentu mengetahui ke mana hala dan bagaimana corak yang dikehendaki olehnya oleh sebab tiap-tiap corak itu tentu merupakan apa yang ada di dalamnya. Saya fikir masanya di sini belum tiba lagi untuk mengupas tentang perjalanan pertubuhan itu tetapi yang menjadi kemarahan dan kesedihan orang-orang Islam bahawasanya nampak dengan zahir perbuatannya itu tidak sekali-kali berperasaan tulus dan nampaknya daripada suatu masa ke suatu masa ia menggunakan sesuatu peluang supaya terhebah namanya sekalipun peluang itu melanggar

pengajaran dan adab agama Islam yang Maha Suci.

Barangkali ada pembaca-pembaca yang akan bertanya mengapa saya berkata begitu. Dengan terangnya saya boleh mengatakan sebagai contoh iaitu apabila diadakan sambutan Hari Perkahwinan Princess Elizabeth beberapa tahun yang lalu maka untuk menunjukkan kesetiiaannya ia telah mencadangkan suatu perarakan kaum ibu di atas lori yang setengah-setengahnya akan dipakaikan pakaian Hula-hula (hampir-hampir setengah telanjang) dan kemudian apabila perarakan itu tidak dibenarkan oleh sebab bantahan-bantahan orang Islam di sini maka dikhabarkan mereka pun mengadakan majlis mereka di rumahnya dengan mengadakan tarian-tarian daripada suku sakatnya dengan berdancing dan sebagainya. Dengan ini saya percaya menjadi suatu bukti yang nyata bahawasanya Zaharah binti Nur Muhamad itu orang yang jahil dalam perkara agama dan orang yang ingkar kepada tegahan al-Quran dan al-Hadis dan jika yang demikian sifat orangnya bolehkah ia berhak mewakili nama kaum Muslim atau kaum ibu Melayu yang umumnya beragama Islam di dalam perkara-perkara yang menyinggung hukum-hukum dan dasar-dasar Islam? Adakah orang yang asi atau orang yang menganjurkan perbuatan-perbuatan yang asi itu diiktiraf oleh Islam suaranya bagi merundingkan sesuatu yang mengenai undang-undang Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Hadis?

Di sini pembaca-pembaca sendiri saya serahkan menimbangkannya, bagi saya dengan apa yang tersebut di atas ini rasanya memada untuk menunjukkan perdirian saya oleh kerana saya mengetahui dan hadir tatkala pertubuhannya itu ditubuhkan dan bagaimana cara menubuhkannya.

Sekarang marilah kita memandang apa tujuan-tujuan anasir yang nampaknya menurut percakapan orang ramai harus berdiri mendorongnya membantah sesuatu perkara yang melanggar undang-undang agama Islam itu. Bangsa-bangsa yang bukan Islam di dalam masa-masa yang lalu kerap kali terkelindan apabila anak-anak gadis mereka yang berumur 13 tahun telah lari mengikut kekasihnya daripada

orang Islam lalu berkahwin di dalam Islam dan tidak ada satu kuatkuasa undang-undang yang membiarkan supaya gadis itu terbatal nikahnya dan dipulangkan kepada ibu bapanya.

Pemergian dan kesukaannya sendiri itu adalah menjadi suatu sebab yang ia membuang agamanya yang asal lalu masuk Islam dan menurut hukum-hukum Islam apabila seseorang berkata kepada seseorang Islam dan ia hendak masuk Islam maka wajib dengan serta merta orang itu mengajarnya mengucapkan kalimah at-Tauhid dan dengan mengucapkan kalimah at-Tauhid itu orang itu dengan serta merta menjadi Islam dan berlakulah hukum Islam ke atasnya. Tentang hati bukan dia perkerjaan manusia tetapi ia terpulang kepada kekuasaan Allah.

Apabila ada sebarang percubaan yang hendak merampas atau mengambilnya atau memaksanya ia keluar daripada agama Islam maka yang demikian itu wajib dipertahankan oleh tiap-tiap orang Islam dan mempertahankannya itu termasuk kepada jihad fi sabilillah oleh sebab Allah telah berfirman sebagaimana yang termaktub di dalam al-Quran pada surah Al-Mumtahanah ayat yang ke-sepuluh yang maksudnya : “Hai sekalian orang yang beriman apabila datang perempuan-perempuan Islam yang berhijrah kepada kamu hendaklah kamu uji akan keimanannya. Allah lebih mengetahui akan iman mereka itu maka jika kamu ketahui sebenarnya mereka beriman maka janganlah kamu kembalikan mereka kepada orang-orang kafir. Mereka tidak halal bagi lelaki yang kafir dan lelaki yang kafir itu tidak halal bagi mereka.”

Dengan ini nyata apa merbahaya yang akan terbit kepada orang-orang Islam jika ada kelak suatu belit atau helah yang bakal merosakkan taraf dan kedudukan orang Islam jika sekiranya ada sesuatu tujuan-tujuan yang akan diperundang-undangkan di dalam sesuatu perkara yang akan mengongkong kebebasan dan hak orang Islam di dalam negeri ini di dalam mana riak-riaknya

dapat kita nampak dengan terang apa anasir-anasir yang bakal meruntun ketinggian dan taraf Islam di negeri ini dengan menggunakan mereka-mereka daripada orang-orang kita yang tebal muka yang tergamak mengingkarkan kesucian al-Quran dan al-Hadis kerana memandang kepada dorongan-dorongan anasir-anasir yang cuba meruntuhkan kemuliaan dan ketinggian Islam.

Perkara yang kecil selalu diperbesarkan mereka kerana masalah-masalah itu kerana tidakkah masyarakat kita di sini pada umumnya jarang benar mengahwinkan anaknya di bawah umur 16 tahun? Berjalan begini tidak mengacu dan tidak ditegah oleh agama dan mengapa pula kita hendak mengubah apa-apa yang telah diperundang-undang oleh Islam? Bahaya yang akan tertimpa jika kehendak anasir-anasir itu diluaskan dengan diperundang-undangkan itu adalah mengingatkan saya bagaimana perkahwinan sesorang perempuan Cina dengan lelaki Islam telah diceraikan oleh kuatkuasa undang-undang pada hal mereka telah pun bersuami isteri selama setahun lamanya. Kejadian ini berlaku di Muaratiwi di daerah Banjar Masin. Oleh yang demikian jananglah ketua-ketua Islam, terutamanya pertubuhan-pertubuhan Islam mencuaikan di dalam perkara ini dan jika ada sesuatu percubaan yang bakal menyinggung perasaan orang-orang Islam dengan sifat yang menghinakan seperti yang dilakukan oleh akhbar "Singapore Standard" itu wajib dibidas bukannya oleh seseorang atau oleh sesebuah pertubuhan tetapi dibantah oleh kaum muslimin supaya mereka mengetahui di mana orang Islam berdiri untuk mempertahankan kemuliaan agamanya.

-----*-----*-----

Perempuan itu seperti gula-gula itu walau bagaimanapun ia menjaga dirinya adalah payah dipelihara daripada dikerumuni oleh semut. Sebab itu selain daripada ia menjaga dirinya maka ia mustahak pula dikawal – kata seorang hakim.

APA YANG TUAN SUSAHKAN?

Sekiranya tuan kaji dengan sedalam-dalamnya akan cara hidup di dunia ini sudah tentu tuan tidak akan mendapat satu benda pun yang menyusahkan hati, kerana seseorang yang hidup berjuang sudah tetap akan menerima dua perkara – pertama berjaya di dalam perjuangannya, kedua mundur di dalam segala gerak langkahnya.

Kalau ia telah berjaya, rasanya tak ada apa yang hendak disusahkan lagi. Kalau pula ia mundur, maka ia sudah tentu mempunyai salah satu daripada dua perkara – pertama bertubuh sihat, kedua berpenyakit.

Kalau ia seorang yang bertubuh sihat, rasanya tidak perlu ia bersusah hati. Kalau pula ia sakit merana, maka penyakitnya itu dapat dipecahkan kepada dua bahagian – pertama ia lambat sangat akan sembuh, kedua, tandanya ia sedang mara ke liang kubur.

Kalau pula ia telah sembuh daripada penyakitnya itu, sudah tentu tak payah lagi ia menanggung susah. Tetapi kalau pula dialah orangnya yang telah hampir ajalnya maka dengan tidak ada syak lagi bahawa ia akan menerima dua ketetapan – pertama akan masuk syurga, kedua ia akan pergi terus ke neraka.

Kalau dialah orangnya yang akan masuk syurga, maka apa yang hendak disusahkan lagi, dan alangkah bahagianya?

Kalau dia pula yang akan masuk neraka, maka sudah barang tentu tak akan ia mendapat masa hendak menyebut-nyebut akan segala susah payahnya, kerana sepanjang-sepanjang masa itu ia sedang tenggelam timbul bersama-sama dengan segala sahabat handainya yang telah terdahulu masuk ke situ!

-----*-----*-----

Hormatilah orang tua kerana ia mengenal Tuhan lebih dahulu daripadamu – dan kasihanilah orang yang muda kerana ia lebih banyak tertipu dengan dunia daripadamu – "kata Ibnu al-Mu'taz"